

Tahap Penerimaan Murid Sekolah Menengah Rendah Terhadap Elemen Keusahawanan dalam Pembelajaran

(Lower Secondary Students' Acceptance Towards the Elements of Entrepreneurship in Their Learning)

Siti Hawa Suhaili^{1*}, Nurfaradilla Mohamad Nasri¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p106335@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 December 2021 | Published: 31 December 2021

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2021.3.4.23>

Abstrak: Bidang keusahawanan merupakan antara aspek penting dalam merealisasikan hasrat Malaysia bagi melahirkan modal insan kelas pertama seterusnya mampu membantu menjana ekonomi negara. Menyedari hal ini, pihak Kementerian Pelajaran mengambil inisiatif untuk mengintegrasikan elemen keusahawanan dalam pembelajaran melalui pengenalan mata pelajaran-mata pelajaran tertentu serta penerapan elemen merentas kurikulum berkaitan keusahawanan dalam topik-topik pengajaran. Jadi kajian ini dilakukan untuk mengetahui sejauh mana para murid sedar akan kewujudan elemen ini serta penerimaan mereka terhadap elemen keusahawanan dalam pembelajaran mereka, sekaligus untuk melihat impak pengenalan elemen keusahawanan ini kepada para murid. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Lokasi kajian ialah Sekolah Menengah Lodge, Kuching. Responden yang terdiri daripada 50 orang murid menengah rendah dipilih secara rawak mudah. Instrumen pengumpulan data ialah borang kaji selidik skala lima likert yang diedarkan menggunakan google form. Data yang diperolehi dianalisis untuk melihat peratusannya. Dapatan kajian mendapati majoriti murid sedar akan kewujudan elemen keusahawanan dalam pembelajaran mereka tetapi banyak yang mempelajarinya hanya kerana elemen tersebut terdapat dalam silibus. Kebanyakan daripada mereka tidak berminat untuk menjadikan bidang ini sebagai kerjaya mereka pada masa akan datang. Hasil kajian ini mungkin boleh digunakan untuk membolehkan pihak tertentu merangka strategi bagi memupuk minat para murid untuk menceburi bidang keusahawanan. Jadi sebagai cadangan kajian akan datang, kajian tentang pemupukan atau penerimaan murid terhadap elemen keusahawanan dalam pembelajaran mereka mungkin boleh dilakukan.

Kata Kunci: penerimaan murid, elemen keusahawanan, pembelajaran

Abstract: Entrepreneurship is one important aspect in cultivating exceptional Malaysian citizens who are envisioned to generate the economy of the country. Upon realising its great significance, the Ministry of Education has taken initiatives to integrate entrepreneurship in the syllabus by introducing subjects with the said element embedded across the curriculum. This study is conducted to learn about students' knowledge of the entrepreneurship-related content, their readiness and acceptance towards the element in their learning as well as the outcome of the introduction of entrepreneurship in their learning. This study applies the quantitative method as its strategy in the collection of data. The study was conducted at Lodge National Secondary School, Kuching with 50 randomly chosen respondents from the lower forms. The instrument for the data collection is a 5-Likert scale survey done and distributed

using Google Form application where the gathered data was analysed and interpreted using percentages. The finding shows that a majority of the students are aware of the entrepreneurship element in their learning but are mostly not very keen in really learning the elements of entrepreneurship aside from the fact that it is just part of the syllabus. The students are of the opinion that entrepreneurship is not a career choice for them in the near future. The finding of this study can be used in the outlining of strategies to foster interest in entrepreneurship among the students. Future studies can focus on cultivating entrepreneurship or on steps to improve students' acceptance of entrepreneurship in their learning.

Keywords: students' acceptance, entrepreneurship element, learning

1. Pengenalan

Kajian berkisar tentang tahap penerimaan murid sekolah menengah rendah terhadap elemen keusahawanan dalam pembelajaran di sekolah. Ketika ini, perkembangan sektor keusahawanan merupakan antara agenda penting pihak kerajaan untuk membasmi masalah pengangguran. Di samping mampu mengatasi masalah pengangguran, bidang keusahawanan juga dapat mencipta peluang kerja kepada masyarakat sekaligus membantu menjana ekonomi negara. Penerapan elemen keusahawanan dalam diri murid bukanlah sesuatu yang dapat dicapai dalam jangka masa yang pendek. Oleh kerana itu, elemen keusahawanan diterapkan dalam diri murid sejak sekolah rendah lagi tidak kira secara formal melalui pengajaran dalam kelas mahupun secara tidak formal iaitu melalui praktikal di koperasi, penyertaan dalam kem keusahawanan mahupun projek-projek keusahawanan di sekolah.

Umum mengetahui, bidang keusahawanan merupakan antara pilihan utama para graduan sebagai kerjaya walaupun jurusan mereka sepanjang pengajian bukannya dalam bidang keusahawanan. Sebagai contoh, ada antara graduan yang mengambil jurusan teknologi maklumat tetapi memasarkan kemahiran mereka itu dalam bidang keusahawanan. Hal ini kerana peluang dalam bidang ini terbuka luas kepada sesiapa sahaja yang berminat dan sentiasa berusaha. Namun perkara yang membezakan antara setiap usahawan tersebut selain pengalaman, usaha dan kemampuan adalah pengetahuan.

Menyedari kepentingan ilmu dalam bidang keusahawanan, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil beberapa inisiatif untuk mendedahkan tentang elemen keusahawanan kepada murid sejak di peringkat pra sekolah lagi. Dalam bidang akademik, antara perkara yang diperkenalkan ialah menghubungkan elemen keusahawanan dengan topik-topik yang terdapat dalam silibus pengajaran melalui bahagian elemen merentas kurikulum (EMK). Istilah EMK digunakan dalam DSKP sejak tahun 2017. Selain itu, mata pelajaran pengajian perniagaan dan ekonomi diuji dalam STPM. Di samping itu, topik perniagaan dan keusahawanan juga pernah diajarkan melalui mata pelajaran kemahiran hidup. Penerapan mata pelajaran tersebut dan penghubungjalanan topik-topik keusahawanan dalam pengajaran membuktikan bahawa kementerian juga memandang berat akan keperluan pendedahan tentang keusahawanan kepada para murid.

Namun, tidak semua murid mampu melihat kepentingan pembelajaran elemen keusahawanan di sekolah. Mereka mempunyai pandangan yang berbeza terutamanya murid-murid menengah rendah yang masih agak muda untuk menentukan perjalanan kerjaya mereka. Jadi selain ingin mengetahui tahap penerimaan para murid terhadap penerapan elemen keusahawanan dalam

kelas, kajian ini adalah untuk mengetahui impak penerapan elemen keusahawanan dalam pembelajaran di sekolah terhadap diri murid.

2. Ulasan Kajian Lepas

Elemen keusahawanan adalah antara aspek yang perlu diberikan penekanan dalam kurikulum di sekolah. Hasil dapatan daripada kajian (Othman, N., & Misman, S. S. B., 2015) menunjukkan persepsi murid terhadap pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi. Murid yang cenderung dan minat kepada bidang keusahawanan akan memahami serta dapat membezakan konsep usahawan serta ciri seorang usahawan. Malah, murid yang menunjukkan minat dalam bidang keusahawanan juga memahami faedah-faedah yang diperolehi apabila berkecimpung dalam bidang keusahawanan seperti mencipta produk baru yang dapat digunakan oleh masyarakat. Oleh yang demikian, dalam membudayakan keusahawanan, maka inisiatif perlu dimulakan di peringkat akar umbi. (Wan Mohd & Ibrahim Mamat, 2019) beranggapan pendidikan keusahawanan di peringkat awal membantu murid menjadi lebih kompetitif, berupaya berdikari dan yakin untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Bagi melahirkan murid yang mampu berdaya saing dan berjaya pada masa akan datang, murid bukan sahaja perlu cemerlang dari aspek akademik tetapi juga dalam aspek kemahiran insaniah. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ab. Wahid (2019) iaitu melihat dari sudut pembinaan modal insan untuk keperluan negara, kualiti yang wujud dalam diri usahawan sosial perlu dibudayakan kepada murid. Keusahawanan dalam konteks Islam merupakan suatu ibadah dalam memenuhi keperluan hidup yang seimbang dari sudut duniawi dan ukhrawi (Mohd Zain Mubarak et al., 2015). Teori keusahawanan, iaitu teori penciptaan kepada nilai keusahawanan, menjelaskan tentang pengalaman keusahawanan dalam bentuk keseluruhan, iaitu daripada niat keusahawanan dan penemuan peluang keusahawanan kepada perkembangan kecekapan keusahawanan dan pengagihan ganjaran keusahawanan (Mishra & Zachary, 2014, seperti yang dipetik oleh Mishra & Zachary, 2015).

Ibu bapa adalah orang yang paling dekat dan mudah untuk menarik minat anak-anak menceburi bidang keusahawanan. Othman, N., & Misman, S. S. B., 2015 menyatakan majoriti keluarga memberikan sokongan apabila anak-anak mereka melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Sokongan motivasi daripada guru adalah antara faktor yang mendorong kepada minat murid dalam bidang keusahawanan. (Khalip Musa & Hariza Abd Halim, 2015) berpendapat bahawa hubungan rapat antara guru dan murid memainkan peranan penting dalam menentukan minat murid terhadap pelajaran yang diajar dan mempengaruhi guru untuk memilih strategi pengajaran untuk menarik minat dan meningkatkan komitmen murid terhadap pelajaran.

3. Dapatan Kajian

Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian tinjauan ini. Maklumat tersebut dibahagikan berdasarkan jantina, umur, dan bangsa. Bagi tujuan kajian ini, sebanyak 50 orang responden yang dipilih secara rawak mudah telah terlibat.

Jadual 1: Profil Demografi Responden Kajian

Item		Jumlah (orang)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	20	40
	Perempuan	30	60
Umur	13	20	40
	14	23	46
	15	7	14
Bangsa	Melayu	3	6
	Cina	46	92
	Bumiputera	1	2

Memandangkan Sekolah Menengah Lodge ialah sekolah *co-ed*, maka kajian ini dilakukan dalam kalangan murid lelaki dan perempuan. Namun untuk kajian ini, majoriti yang terlibat terdiri daripada murid perempuan iaitu sebanyak 60%. Selain itu, murid tingkatan dua menjadi responden terbanyak iaitu sebanyak 46%. Majoriti populasi murid sekolah ini berbangsa Cina dan aspek itu mempengaruhi jumlah responden yang paling banyak terlibat iaitu sebanyak 92% manakala responden berbangsa Melayu dan bumiputera masing-masing 6% dan 2%. Tiada responden berbangsa India yang terlibat dalam kajian ini memandangkan hanya 3 orang murid menengah rendah yang berbangsa India tetapi mereka tidak dapat dihubungi untuk dijadikan responden.

Bahagian seterusnya yang terdapat dalam borang kaji selidik mengandungi soalan yang bertujuan untuk menjawab objektif kajian. Jadual-jadual di bawah menunjukkan hasil dapatan data melalui borang kaji selidik ini dan diperincikan mengikut 10 item yang ada.

Jadual 2: Item 1

1. Saya tahu makna elemen keusahawanan.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	0	0
2- Tidak bersetuju	5	10
3 - Sederhana	21	42
4 - Setuju	10	20
5 - Sangat setuju	14	28

Berdasarkan jadual 2 untuk item 1, majoriti responden iaitu sebanyak 42% yang menjawab sederhana. Hal ini mungkin kerana mereka hanya mengetahui makna keusahawanan secara asas sahaja dan tiada siapa yang langsung tidak tahu tentang makna keusahawanan.

Jadual 3: Item 2

2. Saya tahu perbezaan antara keusahawanan dengan perniagaan.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	0	0
2- Tidak bersetuju	3	6
3 - Sederhana	20	40
4 - Setuju	16	32
5 - Sangat setuju	11	22

Bagi item dua dalam jadual 3 pula, majoriti antara responden mengetahui perbezaan antara keusahawanan dengan perniagaan. Hanya 6% sahaja yang tidak mengetahui perbezaan antara keduanya.

Jadual 4: Item 3

3. Saya meminati pembelajaran yang mengandungi elemen keusahawanan.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	3	6
2- Tidak bersetuju	43	86
3 - Sederhana	2	4
4 - Setuju	2	4
5 - Sangat setuju	0	0

Berdasarkan dapatan kajian, didapati hampir keseluruhan responden tidak meminati mata pelajaran yang mengandungi elemen keusahawanan iaitu 86% tidak bersetuju dan 6% sangat tidak bersetuju menjadikan jumlah responden yang tidak meminati elemen keusahawanan ini ialah 92%.

Jadual 5: Item 4

4. Saya mendapati pembelajaran yang mengandungi elemen keusahawanan adalah sukar.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	3	6
2- Tidak bersetuju	12	24
3 - Sederhana	30	60

4 - Setuju	3	6
5 - Sangat setuju	2	4

Walaupun ramai responden yang tidak meminati mata pelajaran yang mengandungi elemen keusahawanan, namun berdasarkan data dalam jadual 5, hanya sebilangan kecil yang menganggap mempelajari elemen keusahawanan adalah sesuatu yang sukar iaitu hanya 10%.

Jadual 6: Item 5

5. Saya belajar tentang elemen keusahawanan hanya kerana elemen tersebut terdapat dalam silibus pembelajaran.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	1	2
2- Tidak bersetuju	6	12
3 - Sederhana	11	22
4 - Setuju	11	22
5 - Sangat setuju	21	42

Bagi item 5, didapati kebanyakan responden bersetuju dan sangat bersetuju iaitu dengan jumlah sebanyak 64%, bahawa mereka mempelajari tentang elemen keusahawanan hanya kerana elemen tersebut terdapat dalam silibus pembelajaran.

Jadual 7: Item 6

6. Saya membuat pembacaan lanjut untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang elemen keusahawanan dalam pembelajaran.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	5	10
2- Tidak bersetuju	41	82
3 - Sederhana	2	4
4 - Setuju	1	2
5 - Sangat setuju	1	2

Berdasarkan data dalam jadual 6, maka tidak hairanlah jika jumlah responden yang bersetuju dengan item 7 sangat sedikit iaitu 2% untuk sangat setuju dan 25 untuk setuju.

Jadual 8: Item 7

7. Saya bercadang untuk memilih mata pelajaran berkaitan bidang keusahawanan ketika berada di menengah atas kelak.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	25	50
2- Tidak bersetuju	14	28
3 - Sederhana	7	14
4 - Setuju	4	8
5 - Sangat setuju	0	0

Data dalam jadual 8 menunjukkan hanya 8% responden yang setuju untuk memilih mata pelajaran berkaitan bidang keusahawanan apabila berada di menengah atas.

Jadual 9: Item 8

8. Saya akan mengajak rakan-rakan untuk turut sama memilih mata pelajaran berkaitan bidang keusahawanan ketika berada di menengah atas kelak.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	32	64
2- Tidak bersetuju	6	12
3 - Sederhana	7	14
4 - Setuju	3	6
5 - Sangat setuju	2	4

Sebanyak 10% responden bercadang mengajak rakan-rakan mereka untuk sama-sama memilih mata pelajaran berkaitan bidang keusahawanan ketika berada di menengah atas kelak. Jumlah ini lebih banyak daripada jumlah sebelumnya mungkin kerana responden yang berada atas pagar hanya akan memilih untuk setuju sekiranya mempunyai teman.

Jadual 10: Item 9

9. Saya berpendapat bahawa menjadi usahawan adalah antara pilihan kerjaya yang bagus.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	0	0
2- Tidak bersetuju	0	0
3 - Sederhana	7	14

4 - Setuju	31	62
5 - Sangat setuju	12	24

Data bagi item 9 menunjukkan walaupun kebanyakan responden tidak berminat dengan pembelajaran yang mengandungi unsur keusahawanan, namun 86% daripada mereka bersetuju bahawa menjadi usahawanan adalah pilihan kerjaya yang bagus.

Jadual 11: Item 10

10. Saya bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan.		
Skala	Jumlah (orang)	Peratus (%)
1 - Sangat tidak bersetuju	8	16
2- Tidak bersetuju	24	48
3 - Sederhana	4	8
4 - Setuju	9	18
5 - Sangat setuju	5	10

Item terakhir ini menunjukkan sebanyak 28% daripada responden bersetuju untuk menjadi usahawan.

4. Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil dapatan bagi latar belakang kajian menunjukkan bahawa responden adalah terdiri daripada murid yang berumur antara 13 tahun hingga 15 tahun. Murid dalam golongan umur ini biasanya sianggap agak muda untuk membuat keputusan yang besar dalam hidup mereka. Dari segi bangsa pula, golongan berbangsa Cina meliputi bahagian besar daripada jumlah responden. Hal ini berkaitan dengan jumlah populasi murid berbangsa Cina yang menuntut di lokasi kajian. Walau bagaimana pun, hasil kajian ini tidak selari dengan kajian-kajian lalu yang telah dilakukan oleh kebanyakan pengkaji. Didapati majoriti responden tidak meminati aspek keusahawanan. Hal ini mungkin kerana mereka mempunyai pendapat bahawa menjadi usahawan adalah sesuatu yang berisiko. selain mempunyai cita-cita berbeza.

Komunikasi yang baik antara guru dan murid juga merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada kejayaan penerapan elemen merentas kurikulum di dalam kelas. Persekitaran juga merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada minat dalam penglibatan murid dalam bidang keusahawanan. Program-program, bengkel dan ceramah keusahawanan perlu diadakan bagi memberikan sokongan, panduan dan pendedahan kepada para murid. Melalui langkah-langkah ini, diharap para murid terutamanya responden kajian ini akan lebih meminati pembelajaran yang mengandungi elemen keusahawanan pada masa akan datang.

Rujukan

- Ab Wahid, H. (2019). Membangunkan Sosio-Ekonomi Komuniti Menerusi Keusahawanan Sosial: Peranan dan Peluang. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*.2(8). 13-26.
- Akhsan, E. M., & Othman, N. (2019). Hubungan antara Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 305-317.
- Husaini, H. & Ahmad, K. A. (2020). Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Analisis Kandungan Buku-buku Teks.
- Mishra, C. S. & Zachary, R. K. (2015). The Theory of Entrepreneurship. *Entrepreneurship Research Journal* 5(4): 251- 268.
- Othman, N., & Misman, S. S. B. (2015). Persepsi Terhadap Faktor-faktor yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4sph dalam Bidang Keusahawanan. *Fakulti Pendidikan*, eprints.utm.my.
- Yatim @ Mohd Yatim, R., & Idris, M. S. (2016). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Perniagaan Dan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Di Daerah Batu Pahat Dari Persepsi Pelajar. *Online Journal for TVET Practitioners*, 1(1).
- Wan Nawang. W. M. Z. & Mamat, I (2019). Faktor-Faktor Penentu Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Akademika* 89(2), Julai 2019: 3-15